

Banjir tidak patahkan semangat untuk lebih optimis

FENOMENA alam seperti ribut tropika, tanah runtuh dan banjir mampu menyebabkan bencana terhadap kehidupan manusia.

Walaupun ada yang boleh diramal kedatangannya tetapi secara tepat dari segi masa, skala, lokasi, magnitud dan impak sesuatu bencana alam, amat sukar ditentukan malah selalu di luar jangkauan.

Justeru, dalam menghadapi bencana alam, harapan kita ialah meminimumkan kesan kemusnahan, kerosakan dan trauma ke atas alam, infrastruktur, manusia dan semua kehidupan.

Setakat yang boleh diimbau, banjir Sungai Perak sekitar 1967-1969 masih merupakan banjir terbesar dari segi kedalaman air, keluasan kawasan terlibat dan keperitan ditanggung mangsa banjir jika dibandingkan beberapa peristiwa banjir besar yang melanda selepas negara merdeka.

Tanpa diduga, banjir di waktu itu mencapai skala luar biasa. Paras air naik dengan deras hingga melebihi ketinggian sama ada struktur buatan manusia mahu pun semula jadi dan hampir menenggelamkan jam besar yang merupakan salah satu mercu tanda sejarah di bandar Kuala Kangsar.

Keadaan itu memaksa semua penduduk kampung bergegas pindah ke kawasan berbukit di pinggir hutan kerana hanya di situ sahaja kawasan tinggi yang tidak ditenggelami air dan 'selamat' daripada banjir.

Sementara menunggu bantuan yang hanya boleh dibawa menerusi redahan arus banjir yang mengganas, selama tiga hari penduduk hanya berlindung di lereng-lereng bukit dengan berteduhkan pohon rendang, sekadar minum air yang keruh dan makan hanya untuk alas perut yang

kosong.

Setelah seminggu mengharungi kesukaran dan banjir pun susut, kami berasa gembira sebab dapat pulang ke rumah masing-masing

Sekali lagi kebanyakan kami dirundung malang kerana yang ada hanyalah bekas tapak rumah. Rumah kampung yang rata-rata diperbuat daripada kayu dan papan sudah dihanyutkan arus banjir.

Namun begitu tiada siapa yang hilang pedoman atau terlalu mengikutkan perasaan dengan meratapi kemusnahan atau hilang punca pendapatan. Pasrah dan sabar dapat mengatasi segala kebuntuan.

Dengan semangat gotong-royong dan ikhlas membantu, kerja berat seperti mengedarkan peralatan, makanan, membersihkan sampah sarap dan lumpur menjadi ringan.

Dengan ihsan kerajaan—berupa bantuan

kayu dan papan – dan dengan kerjasama penduduk, rumah yang ranap dapat didirikan kembali,

Walaupun banyak yang musnah dan yang dibaiki tidak sempurna seperti sebelumnya, tetapi semua itu tidak mematahkan semangat mereka untuk terus melihat ke masa depan dengan fikiran lebih optimis.

Kini, tindakan pantas lagi tersusun oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan dalam menghulurkan bantuan dan kemudahan tanpa mengira warna kulit, fahaman dan anutan, cukup bermakna. Suasana getir dan sukar seperti yang kami lalui semasa banjir lebih tiga dekad lalu, nampaknya sudah tiada lagi.

– SALEHUDIN KASMIN,
Tanjung Malim,
Perak.